MPKj.PKUB.400-5/1/6(10)(S) Jld.2
10 November 2026

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran ini dipelawa kepada kontraktor/syarikat yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK),** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor/Syarikat juga diwajibkan memiliki Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate*-TCC) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang berstatus **'PATUH'** dan masih dalam tempoh sah laku, serta berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** yang masih sah buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan/bekalan berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S150/2026	Panel Bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Kenderaan Penumpang (Van, Bas, Kereta, Motosikal & Skuter) Majlis Perbandaran Kajang	KKM	220102, 220104, 220107, 220108 & 220109	RM100.00	17 November 2026 Hingga 1 Disember 2026
MPKj S151/2026	Perkhidmatan Memperbaharui Lesen Dan Penyelenggaraan Perisian Anti Virus Panda	KKM (sertakan bersama Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera)	210101 / 210104		

DOKUMEN MEJA TAWARAN

Penyebut harga boleh merujuk Dokumen Meja Tawaran di laman sesawang Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di **https://www.mpkj.gov.my/index.php/ms/.**

Penyebut harga terlebih dahulu dikehendaki berdaftar secara dalam talian melalui Sistem Perolehan Selangor di laman sesawang https://perolehan.selangor.gov.my dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran. Penyebut Harga adalah diwajibkan membuat pendaftaran sebagai kontraktor/syarikat di dalam sistem e-QTender secara dalam talian melalui pautan ini https://eqtender.mpkj.gov.my/Account/Register#registration.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Perolehan Selangor **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara dalam talian adalah wajib melampirkan salinan resit asal bayaran dan no siri dokumen semasa tarikh tutup sebut harga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di muka surat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **17 NOVEMBER 2026 HINGGA 1 DISEMBER 2026.** Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN
Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** atau menggunakan perkhidmatan Pos Berdaftar/ Kurier dan memastikan Dokumen tersebut selamat tiba **SEBELUM atau PADA 1 DISEMBER 2026 (SELASA) JAM 12.00 TENGAH HARI** di alamat

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kajang
(Peti Sebut Harga/Tender)
Tingkat 4
Bahagian Pengurusan Kontrak dan Ukur Bahan
Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih
Off Jalan Semenyih
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Pihak tuan/puan digalakkan menghantar Dokumen Tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan.